

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OGOS 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	04.08.2022	Pengurusan Sekolah Kurang Cekap – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 1	2
2.	08.08.2022	Tiada Jabatan Khas Pusaka – Buka Ruang Pihak Tertentu Seleweng Aset Tidak Dituntut Lebih RM70 Bilion	3
3.	08.08.2022	Separuh Kos Adalah Untuk Reka Bentuk	
4.	08.08.2022	TLDL Tidak Setuju Tukar Reka Bentuk Tetapi Tiada Pilihan	4
5.	09.08.2022	Hishamuddin Janji LCS Pertama Siap 1- 2 Tahun Lagi	
6.	09.08.2022	LCS Pertama Siap Satu Hingga Dua Tahun Lagi Tidak Realistik	5
7.	11.08.2022	SPRM, AGC Diarah Siasat Segera LCS	6
8.	12.08.2022	Projek LCS : SPRM Cadang Tuduh Beberapa individu	7
9.	15.08.2022	LCS : SPRM Syor Pengarah urusan Didakwa?	8
10.	17.08.2022	LCS : Bukan Salah Mana-Mana Kerajaan	9
11.	17.08.2022	LCS : Bekas Panglima TLDL Mengaku Tidak Bersalah	10
12.	24.08.2022	Wang RM1 Juta, Pengeluaran Terbesar Akaun Armada	11

4 OGOS 2022/KHAMIS/MUKA SURAT : 4

Pengurusan sekolah kurang cekap

PETALING JAYA: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 1 mendapati, pengurusan projek pembinaan sekolah masih kurang cekap dan kurang berkesan terutamanya dalam menuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025.

Antara objektif pelan pembangunan itu adalah untuk menampung lebihan murid dengan bilangan maksimum 35 murid dalam satu darjah, dan ke arah menjadikan sekolah satu sesi.

Menurut LKAN, ini kerana berlaku kelemahan di peringkat perancangan, prapelaksanaan dan pelaksanaan projek oleh Kementerian Pendidikan, perunding dan kontraktor.

Selain itu katanya, masalah koordinasi dengan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan syarikat utiliti serta isu ketersediaan tapak projek turut menyumbang kepada kelewatian pelaksanaan projek.

Sehubungan itu tegas LKAN, keadaan itu menyebabkan objektif projek untuk menampung lebihan murid melalui pembinaan sekolah baharu dan ke arah sekolah satu sesi sukar dicapai.

"Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah



Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah enam projek mengambil masa antara empat tahun dua bulan hingga enam tahun dua bulan daripada kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk disiapkan..."

enam projek mengambil masa antara empat tahun dua bulan hingga enam tahun dua bulan daripada kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk disiapkan, sembilan projek masih dalam tempoh pelaksanaan dan tiga projek belum dilantik kontraktor walaupun selepas empat hingga 11 tahun diluluskan UPE.

"Selain itu, perancangan pembinaan dua sekolah baharu

hanya dibuat setelah bilangan murid di sekolah berhampiran melebihi 35 orang dalam bilik darjah, tiga projek pembinaan sekolah baharu lewat dimulakan dan membawa kepada pengecilan skop bilangan bilik darjah dan kajian semula keperluan semasa meliputi skop bilangan bilik darjah bagi projek tersebut tidak dilaksanakan.

"Kelemahan perunding dalam reka bentuk bagi lima projek menyebabkan tambahan kos berjumlah RM2.16 juta, manakala kelemahan dalam mengenal pasti keperluan di peringkat PBT dan syarikat utiliti bagi enam projek menyebabkan tambahan kos berjumlah RM1.26 juta, malah bayaran kepada perunding berjumlah RM1.56 juta bagi empat projek dibuat sebelum kontrak dimeterai.

"Berdasarkan purata 41 sekolah menjadi satu sesi setahun, baki 1,211 sekolah dua sesi pada 2021 akan mengambil masa 30 tahun untuk menjadi satu sesi iaitu pada 2051 berbanding sasaran Kementerian Pendidikan tahun 2025," jelasnya.

Setakat 31 Disember tahun lalu, sebanyak 10,224 sekolah di bawah Kementerian Pendidikan telah dibina.

8 OGOS 2022/ISNIN/MUKA SURAT : 1 & 2

Buka ruang pihak tertentu seleweng asset tidak dituntut lebih RM70 bilion

Tiada jabatan khas pusaka

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan JUANI MUNIR ABU BAKAR
utusannew@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kegagalan waris mengurus harta pusaka sehingga dibekukan dibimbangi membuka ruang kepada kegiatan penyelewengan harta pusaka oleh pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan.

Mendedahkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kuliah Undang-Undang Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Madya Dr. Akmal Hidayah Halim berkata, kes penjualan harta pusaka tanpa persetujuan waris-waris boleh berlaku apabila tanah-tanah pusaka tersebut tidak dituntut se-

lepas sekian lama.

Menurut beliau, keadaan itu berlaku akibat hartanah tersebut tidak dibuat pentadbiran pusaka atau waris sendiri tidak tahu apa-apa berkaitan hartanah si mati selain wujudnya penglibatan waris tertentu yang mahu membolot harta itu seorang diri.

Apatlah lagi katanya, tidak

ada sebuah jabatan khusus yang menguruskan harta pusaka di negara ini yang menyukarkan waris merujuk maklumat hartasi mati dan memulakan proses pentadbiran pusaka di bawah satu bumbung yang pada masa ini dikendalikan pelbagai agensi.

"Apabila geran tanah dipegang oleh seorang waris, dia

boleh bertindak menjual secara 'atas angin' kepada pihak lain tanpa persetujuan waris lain. Pembeli pula percaya kepada pihak yang menjual yang berjanji untuk menarik nama kemudian sedangkan itu tidak berlaku kerana ia adalah tanah pusaka," katanya.

Bersambung di muka 2

Tiada jabatan khas pusaka

Dari muka 1

"Ini kesan harta pusaka tidak ditadbir akibat tidak ada kesedaran dalam kalangan waris. Jadi dengan adanya sebuah jabatan khusus diyakini sangat membantu untuk menyelesaikan hartanah beku dan kes penyelewangan hartanah pusaka," katanya di sini semalam.

Akmal Hidayah berkata, nilai sebenar harta beku yang dianggarkan lebih RM70 billion tidak dapat ditentukan dengan jelas kerana pada masa ini tidak ada kajian khusus menyokong jumlah itu.

Namun, katanya, dipercayai ia melebihi aman berkenaan sekiranya diukur nilai hartanah di Kampung Baru sahaja yang sekiranya ini mempunyai nilai komersial yang sangat tinggi.

Beliau berkata, masalah pemilikan tanah tidak boleh dikenal pasti selagi tidak dibuat proses-proses permohonan pentadbiran pusaka yang sangat sukar kerana perlu berurusan dengan pelbagai agensi, selain karenah birokrasi yang mungkin berlaku.

Disebabkan masalah itu, ada dalam kalangan waris terus 'menduduki' tanah itu tanpa membuat tuntutan pusaka hanya dengan membayar cukai tanah setiap tahun apatah lagi jika tanah berkenaan berstatus pegangan bebas.

Keaduan itu secara jelas menyalahi hukum agama kerana harta tidak dibahagi secara faraid dan hanya waris tertentu memakan harta secara batil.

"Harta bekui ini kita perlu cari mekanisme bagaimana nak seleksikan. Kedua, macam mana nak halang tanah-tanah pusaka akan

JPN akan memberi notifikasi kepada jabatan ini yang seterusnya akan memberi peringatan kepada waris-waris untuk hadir ke jabatan dan mulakan proses urusan harta pusaka."

datang daripada jadi harta bekui.

"Masalah ketiga ialah waris tak tahu ke mana hendak dituju menyebabkan harta terbukti kerana waris tidak ada maklumat harta si mati, jadi tidak boleh teruskan bicara pusaka. Masing-masing putus asa untuk menyelesaikannya," katanya.

Justeru, Akmal Hidayah berkata, penubuhan sebuah jabatan khusus iaitu Jabatan Pengurusan Pusaka perlu dilaksanakan kerajaan yang boleh berfungsi sama seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang mana jika berlaku kematian, waris boleh merujuk di situ untuk urusan harta pusaka.

Kata beliau, perkara itu pernah dicadangkan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) melalui kajian pembaharuan undang-undang pada 2016 bagi menaik taraf Bahagian Pembahagian Pusaka untuk menjadi sebuah jabatan sekali gus dapat mengawal selia harta pusaka

beku atau menghalang harta sebelum menjadi terbku.

"Apabila berlaku kematian, tidak ada pemantauan di bawah satu sistem yang boleh 'memaksa' waris membuat permohonan pusaka. Jadi dengan adanya jabatan ini, ia boleh menghubungkan terus dengan data di JPN."

"JPN akan memberi notifikasi kepada jabatan ini yang seterusnya akan memberi peringatan kepada waris-waris untuk hadir ke jabatan dan memulakan proses urusan harta pusaka.

"Jika tidak ada permohonan waris selepas enam bulan tarikh kematian, Amanah Raya Berhad (ARB) boleh mengambil alih pengurusan harta pusaka itu seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia (4PM), Rosland Mohd. Arif mendakwa, ada 'orang dalam' yang arif dalam undang-undang terlibat dalam urusan pindah milik tanah pusaka kepada penama lain.

Katanya, tindakan itu dibuat seolah-olah menepati undang-undang pusaka sehingga tidak diketahui waris penama asal.

"Seperti satu kes di sebuah negeri di pantai timur, waris terkejut apabila tanah pusaka milik bapa mereka dipindah milik kepada sepupu mereka tanpa diketahui sedangkan proses dilakukan itu mengikut saluran sah.

"Tanah itu sebenarnya ada dua penama iaitu bapa mereka dan seorang lagi pak cik, tetapi tiba-tiba nama bapa mereka ditukar kepada nama sepupu ketika melakukan proses pentadbiran harta pusaka," katanya.

8 OGOS 2022/ISNIN/MUKA SURAT : 4



Separuh kos adalah untuk reka bentuk

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak RM3 bilion daripada RM6 bilion wang yang dibayar kerajaan Malaysia bagi perolehan kapal tempur pesisir (LCS) adalah untuk reka bentuk yang betul (*design right*), kerja-kerja reka bentuk, infrastruktur dan kejuruteraan.

Dalam laporan prosiding bertarikh 27 September 2021, Pengarah Program LCS, syarikat Boustead Naval Shipyards (BNS) Sdn. Bhd., Kepten Ir. Azhar Ju-maat berkata, selebihnya adalah untuk pembayaran kemajuan setiap kapal berdasarkan apa yang disiapkan di lapangan atau limbungan.

Beliau berkata, RM3 bilion yang dibelanjakan itu antaranya pembuatan kapal secara sekali gus kerana keperluan operasi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang mana mereka perlukan setiap kapal disiapkan selang 10 bulan antara satu kapal dengan yang lain selain mengoptimalkan sumber manusia dan fasiliti.

"Projek ini juga mempunyai isu pertukaran peralatan dalam proses reka bentuk kapal yang mana pertukaran peralatan diperlukan setelah projek berada di fasa rekaan terperinci, iaitu lebih kurang 45 bulan reka bentuk dimulakan," katanya menerusi laporan setebal 247 muka surat itu.

Beliau berkata demikian

dalam penjelasan mengenai isu berkaitan tiada kapal yang disiapkan walaupun RM6 bilion dibayar oleh kerajaan.

Katanya, pembayaran berjaya dual adalah berdasarkan kepada reka bentuk yang memerlukan penyesuaian dan pembuatan kapal berlangsung secara bersekali, menyaksikan enam kapal kapal dibina di Lumut. Lima daripadanya dalam fasa pembinaan dalam pelbagai peratus kemajuan.

"Apabila keperluan pertukaran peralatan ini timbul, proses reka bentuk terpaksa diulang semula untuk membolehkan pertukaran peralatan dan sistem dimasukkan semula ke dalam reka bentuk asas kapal," katanya.

TLDM tidak setuju tukar reka bentuk tetapi tiada pilihan

PETALING JAYA: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) diberitahu yang Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak bersetuju dengan cadangan menukar reka bentuk kapal tempur pesisir (LCS).

Dalam laporan prosiding PAC bertarikh 1 Disember 2020, Timbalan Ketua Sekretariat Jawatankuasa Siاسatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan, Guna Arulalan David berkata, TLDM bagaimanapun terpaksa menerima cadangan penukaran reka bentuk LCS.

Ini memandangkan keputusan dibuat pengurusan atasan Kementerian Pertahanan dan Menteri Pertahanan setelah menerima cadangan daripada Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS).

Ahli Jawatankuasa PAC, Datuk Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Lumut]: "Cadangan perubahan daripada tactical kepada SETIS (Perancis) dipersempurna oleh menteri, tetapi akhirnya TLDM bersetuju?"

Guna Arulalan: "TLDM tidak bersetuju, malah kita mendapat ada surat daripada Panglima Tentera Laut menyatakan dengan jelas: 'tidak pernah berlaku pemilihan reka bentuk yang telah terbukti, namun, cadangan tersebut telah ditolak dan Kementerian Kewangan meluluskan reka bentuk GOWIND daripada Perancis,' katanya.

memaklumkan, pada 26 Mei 2011, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang merupakan Menteri Pertahanan ketika itu bersetuju dengan cadangan TLDM untuk reka bentuk SIGMA dan Combat Management System adalah daripada Belanda.

Namun, pada 11 Julai 2011, Ahmad Zahid dan pihak pengurusan Kementerian Pertahanan bersetuju memilih reka bentuk GOWIND daripada Perancis manakala pada 26 September 2011, beliau bersetuju mengubah reka bentuk kepada SETIS daripada Perancis atas syar BNS.

Sementara itu, bekas Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM, Kepten Ir. Azhar Ju-maat berkata, beliau adalah bekas ketua pengarah projek yang pertama dan terlibat dalam fasa-fasa penilaian pilihan reka bentuk dan pilihan guna.

"Pasukan projek telah membuat penilaian dan cadangan kepada Kementerian Pertahanan untuk reka bentuk SIGMA 10614 yang dipilih berdasarkan reka bentuk yang telah terbukti, namun, cadangan tersebut telah ditolak dan Kementerian Kewangan meluluskan reka bentuk GOWIND daripada Perancis," katanya.

9 OGOS 2022/SELASA/MUKA SURAT : 4

Utusan
Malaysia

Hishammuddin janji LCS pertama siap 1-2 tahun lagi

PETALING JAYA: Selepas tertangguh lima tahun seperti dirancang, kapal tempur pesisir pantai (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang pertama dijangka siap sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun hingga dua tahun lagi.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau sendiri akan memaklumkan kepada orang ramai berhubung jadual berperingkat kapal-kapal yang telah dijanjikan kepada TLDM di samping kepada Kabinet.

"Ini satu soalan siap yang kita

perlu jawab, cuma kita tidak mampu jawab sekarang kerana kita diberikan enam bulan selepas keputusan Kabinet untuk membilasikan usaha menghidupkan projek ini.

"Ia melibatkan penglibatan dengan vendor di Perancis, ia melibatkan institusi perbankan, tetapi untuk Dewan ini saya nyatakan bahwa sekurang-kurang setahun dua ini, saya harap kapal pertama akan siapkan," katanya.

Beliau menjawab soalan dibangkitkan Senator Datuk Razali

Idris yang meminta penjelasan Kementerian Pertahanan berhubungan tempoh akan diambil untuk menyiapkan kapal LCS setelah tertangguh untuk sekian lama.

Menjawab soalan Senator Hussain Awang, Hishammuddin berkata, projek LCS perlu diteruskan dengan bersandarkan keperluan TLDM dan berkaitan polisi serta perancangan di samping untuk memastikan ratusan vendor yang antaranya terdiri daripada tentera tidak guling tidak.

Beliau sekali lagi menegaskan siapa yang salah, tetapi salah dan

sekiranya berlaku penyelewengan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengambil tindakan dan pihak berkenaan telah pun menggerakkan siasatan.

Katanya, beliau tahu ramai kecewa tetapi mesti melihat kehadapan untuk mencari keadaan agar kapal dapat dibekalkan kepada TLDM dan mencari jalan terbaik memastikannya tidak berulang pada masa akan datang.

Minggu lalu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan telah selesai men-

gadakan sembilan prosiding berhubung isu LCS bermula 18 November 2020 dan yang terakhir pada 8 Mac lepas.

Prosiding itu melibatkan beberapa saksi telah dipanggil dan hasilnya mendapat kontrak projek LCS diberikan kepada syarikat BNS (Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd) secara rundingan terus dengan kerajaan membayar RM6.083 bilion, namun tiada sebuah kapal LCS disiapkan.

Menurut jadual asal, sepatutnya lima kapal harus disiapkan dan diserah setakat Ogos 2022.

LCS pertama siap satu hingga dua tahun lagi tidak realistik

PETALING JAYA: Jangkaan Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang kapal tempur pesisir pantai (LCS) siap sekurang-kurangnya setahun hingga dua tahun lagi dianggap tidak realistik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong berkata, ini memandangkan reka bentuk terperinci LCS yang sepatutnya dimuktamadkan pada November 2016 hingga kini masih belum disiapkan dan hanya siap 80 peratus.

Menurutnya, pembinaan LCS melibatkan tiga fasa iaitu konsep reka bentuk yang bermula pada 4 Jun 2012 dan sepatutnya dimuktamadkan pada 28 Januari 2013, namun hanya dimuktamadkan pada 24 September 2013, menyaksikan kelewat selama lapan bulan.

"Asas reka bentuk fasa kedua pula bermula 3 Oktober 2013 dan patut dimuktamadkan pada 31 Januari 2015 tetapi hanya siap sepenuhnya pada

20 Januari 2016 iaitu 17 bulan 20 hari lewat.

"Reka bentuk terperinci fasa ketiga pula sepatutnya bermula 6 Ogos 2014 hingga 29 November 2016, namun sehingga sekarang masih belum selesai. Bagaimana mungkin Hishammuddin kata LCS pertama akan siap dalam setahun atau dua tahun lagi," soalnya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya penjelasan Hishammuddin di Dewan Negara kelmarin berhubung tempoh yang akan diambil untuk menyiapkan LCS setelah tertangguh sekian lama.

Menteri Kanan Pertahanan itu bagaimanapun tidak dapat memberi ketetapan kerana kerajaan diberikan enam bulan selepas keputusan Kabinet untuk menggerakkan usaha 'menghidupkan' semula projek LCS.

Bagaimanapun, Chin Tong meraguinya kerana hal sebenar yang berlaku ialah syarikat Boustead Naval Shipyard (BNS) Sdn. Bhd. yang bertanggung-

jawab menyiapkan projek itu diberi tempoh enam bulan untuk mencari dana bagi memulihkan projek berkenaan dan dana akan digunakan untuk membayar France Naval Group dan pihak pengeluaran produk tulen (OEM).

BNS dilaporkan berdepan masalah aliran tunai apabila membelanjakan sejumlah besar wang yang sepatutnya untuk projek LCS bagi membayar hutang-hutang lapuk menyebabkan rekaan terperinci LCS tidak dapat disiapkan.

"Proses reka bentuk adalah proses paling penting kerana tanpa reka bentuk yang diluluskan oleh kedua-dua kontraktor, projek LCS tidak dapat diteruskan," kata Chin Tong.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) baru-baru ini mendedahkan, tiada satu pun LCS TLDM disiapkan meskipun kerajaan telah membayar RM6.083 bilion untuk projek itu menerusi kontrak kepada BNS secara rundingan terus.

10 OGOS 2022/RABU/MUKA SURAT : 10



KAPAL tempur pesisir pantai (LCS) yang masih dalam pembinaan.

11 OGOS 2022/KHAMIS/MUKA SURAT : 1 & 2

Jemaah Menteri mahu individu bertanggungjawab didakwa

SPRM, AGC diarah siasat segera LCS

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) diminta segera bertindak berhubung pendedahan kepincangan projek pembinaan kapal tempur pesisir pantai (LCS)

milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara itu diputuskan selepas ia dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

Beliau berkata, kerajaan memandang serius isu projek LCS yang sedang dalam siasatan

SPRM.

"Jemaah Menteri telah memutuskan untuk menggesa SPRM menyegerakan siasatan dan sekiranya terdapat bukti kukuh, (Jabatan) Peguam Negara hendaklah membuat pen dakwaan dan mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

"Saya telah memanggil Pe-

guam Negara, Tan Sri Idrus Harun dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri selepas Mesyuarat Jemaah Menteri untuk segera bertindak selaras dengan keputusan mesyuarat," kata Perdana Menteri dalam kenyataan semalam.

Bersambung di muka 2

SPRM, AGC diarah siasat segera LCS

Dari muka 1

Perdana Menteri berkata, mesyuarat semalam juga membuat keputusan agar Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPPK) yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dibenarkan untuk didebakkan kepada umum.

Malah, kata beliau, Jemaah Menteri juga mencadangkan supaya Laporan Pengauditan Forensik Projek LCS yang dijalankan pada tahun 2019 dinyahklasifikasi, namun proses itu perlu mendapat nasihat daripada pandangan Peguam Negara serta Ketua Audit Negara terlebih dahulu.

"Keputusan Jemaah Menteri hari ini (semalam) tidak akan mengganggu Proses Mobilisasi di bawah Pelan Pemulihan LCS yang diputuskan Jemaah Menteri pada 20 April 2022.

"Kerajaan komited meneruskan projek ini atas kepentingan pertahanan negara selaras dengan keperluan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Saya bagi pihak kerajaan, memberi jaminan bahawa siasatan berhubung isu ini dijalankan dengan telus dan kerajaan tidak akan melindungi sesiapa pun yang terlibat," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara, Muhammad Zahid Md. Arip memohon Dewan Negara meluluskan usul agar isu kepincangan projek kapal tempur TLDM dibahas sebelum sidang terakhir, 16 Ogos ini.

'Bayar RM6.083b namun tiada sebuah kapal LCS siap'

Oleh ASLIKA NASEF
aslika@utusanm.com.my



"Kerajaan telah membayar RM6.083 bilion untuk sebalik projek LCS, namun tiada sebuah kapal LCS pun yang siap. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Ogos 2022, sepatutnya lima bulan selepas kerajaan bersama-sama dengan SPRM menyatakan dirinya bertemu dengan SPRM dan SPRM mengakui bahawa kerajaan telah menggunakan sumbangan SPRM untuk projek LCS. SPRM turut menyatakan bahawa BNS telah bayar RM6.083 bilion untuk projek LCS dan SPRM juga disampaikan bahawa SPRM juga menggunakan bahagian sebahagian daripada sumbangan SPRM untuk projek LCS."

Menurut SPRM, kerajaan berjanji membayar SPRM RM6.083 bilion untuk projek LCS. SPRM turut menyatakan bahawa SPRM juga menggunakan bahagian sebahagian daripada sumbangan SPRM untuk projek LCS.

Menurut beliau, perbahasan itu juga dijangka dihadiri Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein untuk menjawab semua persoalan yang berbangkit.

"Cadangan (usul) ini telah diluluskan oleh Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Rais Yatim dan akan dibahaskan pada persidangan sebelum sidang Dewan Negara berakhir pada hari Selasa 16 Ogos.

"Sesi perbahasan ini akan menjadi pentas terbaik bagi kerajaan, khususnya Kementerian Pertahanan, melalui menterinya, Datuk Seri Hishammuddin tampil menjawab semua perkara berbangkit.

"Ini kerana beliau telah dua kali memukul tanggungjawab sebagai Menteri Pertahanan, ketika kontrak LCS ditandatangan pada 2014 dan sekarang," katanya pada sidang media di Parlimen semalam.

Isu LCS挂ang apabila Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada 4 Ogos lalu tampil menyenaraikan sembilan rumusan punca kepincangan projek pembinaan enam tempur tersebut.

Mengikut laporan PAC, antara kepincangan tersebut ialah kerajaan gagal mengesan masalah kewangan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) berhubung perolehan LCS semasa melakukan penilaian terhadap syarikat berkenaan.

Laporan PAC juga mendakwa, kerajaan telah membayar sejumlah RM6.083 bilion untuk projek LCS, namun tiada sebuah kapal LCS pun yang di siap.

Berikutnya itu, PAC turut mengemukakan tujuh syor perambahbaikan, yang antaranya menyarankan Kementerian Pertahanan melihat semula opsyen dan menetapkan hala tuju terbaik bagi projek LCS dan memastikan wang awam dibelanjakan secara bertanggungjawab.

Projek perolehan LCS diberi kepada BNS pada 2011 bagi membinanya enam kapal tempur untuk kegunaan TLDM, dengan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi adalah Menteri Pertahanan ketika itu, manakala Datuk Seri Najib Tun Razak adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Utusan Malaysia | 12 August 2022 | Page 4

Projek LCS : SPRM cadang tuduh beberapa individu

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediumula.com.my

PETALING JAYA: Kertas siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai projek perolehan kapal tempur pesisir pantai (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).

SPRM dalam satu kenyataan memaklumkan, kertas siasatan berkenaan telah pun dilengkappkan dengan saranan untuk mempertimbangkan pertuduhan terhadap beberapa individu.

"Seterusnya, SPRM akan menerima arahan lanjut hasil daripada kajian Pejabat Peguam Negara terhadap kertas siasatan tersebut," kata kenyataan itu secara ringkas.

Semalam, kerajaan meng-

gesa SPRM dan AGC segera bertindak berhubung pendedahan kepincangan projek pembinaan kapal tempur pesisir pantai (LCS) milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara itu diputuskan selepas ia dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

Beliau berkata, ini kerana kerajaan memandang serius isu projek LCS yang sedang dalam siasatan SPRM berkenaan.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri memaklumkan siasatan berkenaan projek perolehan berkenaan telah lama dijalankan SPRM sejak beberapa tahun lalu.

Azam memberitahu, beliau bagaimanapun tidak dapat me-

Kerajaan memandang serius isu projek LCS yang sedang dalam siasatan SPRM berkenaan."

ISMAY SABRI YAAKOB

maklumkan di peringkat mana dan apa keputusan mengenai siasatan itu.

Kata beliau, perkara itu perlu dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan beberapa pihak berkaitan sebelum boleh didebakkan kepada umum.

Terdahulu, pelbagai pihak mendesak SPRM supaya me-

nyolesaikan segera siasatan berhubung kepincangan projek pembinaan enam kapal tempur LCS susulan laporan PAC yang dibentangkan pada Khamis lalu.

Antara yang mendesak adalah Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Dalam laporan yang dibentangkan itu, PAC menyenaraikan sembilan rumusan sebagai punca kepincangan projek pembinaan kapal berkennaan, antaranya kerajaan sudah membayar RM6.083 bilion kepada Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) bagi projek runding terus itu, namun tiada kapal diterima setakat ini.

Utusan Malaysia | 15 August 2022 | Page 1,2

LCS: SPRM syor pengarah urusan didakwa?

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Pengarah urusan sebuah syarikat dipercayai individu dicadangkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk dituduh berhubung kepincangan projek perolehan kapal tempur pesisir pantai (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Satu sumber mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, individu berkenaan dikatakan sebagai ‘orang penting’ terlibat dalam proses perolehan projek pembinaan enam kapal tempur LCS yang membiarkannya nilai RM9 bilion.

Tunggu keputusan AGC berhubung cadangan pendakwaan

Kata sumber, sebelum mendengarkan pendakwaan, SPRM melakukan siasatan beberapa tahun lalu dengan mengambil keterangan lebih 35 saksi berhubung projek mega tersebut.

“Kesemua yang dipanggil SPRM dipercayai membabitkan

individu dari Kementerian Perhutanan dan syarikat korporat yang ditawarkan projek LCS.

“Keterangan juga diambil melibatkan syarikat swasta di dalam dan luar negara,” jelas sumber.

Menurut sumber, SPRM hanya menyiasat, melengkapkan siasatan, seterusnya mengesyorkan pertuduhan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).

“Selepas itu, AGC akan memutuskan sama ada kes boleh dibuat pertuduhan atau tidak tertakuk kepada hasil siasatan dikemukakan dan paling akhir penilaian dibuat AGC,” jelasnya.

Bersambung di muka 2

UTUSAN MALAYSIA | 15 OGOS 22 | PAGE 2

LCS: SPRM syor pengarah urusan didakwa?

Dari muka 1

Minggu lalu, SPRM dalam satu kenyataan mengesahkan kertas siasatan mengenai projek perolehan kapal tempur itu telah dikemukakan kepada AGC.

Kertas siasatan projek LCS itu termasuk dengan saranan untuk mempertimbangkan pertuduhan terhadap beberapa individu.

Mengulas lanjut, sumber memberitahu, mengikut prosedur SPRM selepas menyerahkan laporan siasatan kepada AGC, agensi itu kini menunggu arahan lanjut daripada agensi itu mengenai status kertas siasatan tersebut.

Sebelum ini, kerajaan menggesa SPRM dan AGC segera bertindak berhubung pendedahan kepincangan projek LCS.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara itu diputuskan selepas ia dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri memaklumkan siasatan projek perolehan berkenaan telah lama dijalankan pihaknya.

Ia sekali gus menepis dakwaan pelbagai pihak yang berterusan mendesak SPRM supaya menyelesaikan segera siasatan berhubung kepincangan projek LCS susulan laporan PAC yang dibentangkan.

Antara yang lantang mendesak ialah Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar dan Ketua Pergerakan Pemuda


UMNO, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Dalam laporan tersebut, PAC menyenaraikan sembilan rumusan sebagai punca kepincangan projek LCS, antaranya kerajaan sudah membayar RM6.083 bilion kepada Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) bagi projek runding terus namun tiada kapal diterima setakat ini.

SPRM kemudian menerima laporan berhubung projek LCS susulan kegagalan pihak terbaik menyerahkan kapal tersebut mengikut tempoh ditetapkan.

Mengikut kontrak asal yang ditandatangani pada 2014, TLDM sepatutnya menerima LCS pertama pada April 2019 setelah membuat bayaran lebih RM6 bilion.

DIFAHAMKAN,
SPRM
mencadangkan
seorang pengarah
urusan sebuah
syarikat didakwa
berhubung
kepincangan
projek LCS.



Utusan Malaysia | 17 August 2022 | Page 1,2

LCS: Bukan salah mana-mana kerajaan

Oleh SHAMSUL KAMAL
AMARUDIN
utusnnews@mediainfo.com.my

LUMUT: Pemberhentian projek pembinaan kapal tempur pesisir (LCS) milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) disebabkan syarikat bertanggungjawab, Boustead Naval Dockyard Sdn. Bhd. (BNS) sudah 'kehabisan duit' untuk melaksanakannya.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Wong Kah Woh berkata, pem-

berhentian projek LCS bukan disebabkan kerajaan memerintah sama ada Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) atau Perikatan Nasional (PN).

Katanya, projek itu terhenti dengan sendiri apabila BNS tidak mampu membayar ven-

dor, pembekal dan kontraktor yang terlibat walaupun kerajaan sudah membayar sebanyak RM6.683 bilion.

"Dalam prosiding PAC, pengurusan BNS sendiri mengaku syarikat itu menghadapi masalah kewangan serius sehingga

terpaksa mengurangkan gaji kakitanganannya," katanya dalam program "Diskusi Rakyat: LCS - Persehinggaan Negara Yang Diexploitasi" di Seri Manjung, dekat sini semalam.

Bersambung di muka 2

LCS: Bukan salah mana-mana kerajaan

Dari muka 1

Selain Kah Woh, anggota panel lain program itu ialah Ahli Parlimen Lumut juga Ahli Jawatankuasa PAC, Datuk Dr. Mohd. Hatta Ramli dan Pengerusi Pertubuhan Akademi Pendidikan Demokrasi dan Kewarganegaraan Malaysia, Amidi Abd. Manan.

Ketika ini, isu LCS menjadi medan pertelahan politik apabila pemimpin daripada kalangan BN, PH dan PN saling salah menyatakan antara satu sama lain sebagai punca projek itu tidak dapat disiapkan walau-pun sepatutnya kapal pertama LCS diserahkan pada 2019.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Kah Woh berkata, Ketua Pegawai Eksekutif BNS yang baru, Azhar Jumaat ketika prosiding bersama PAC mengakui terdapat salah urus kewangan yang serius oleh pihak pengurusan lama sehingga menyebabkan situasi yang berlaku pada hari ini.

Menurutnya, PAC mendapati, wujud perbelanjaan yang digunakan bukan untuk pembinaan kapal berjumlah RM1.4 bilion meliputi pembayaran hutang lapuk projek Kapal Peronda Generasi Baharu (NGPV) berjumlah RM400 juta, membina fasiliti atau bangunan di Cyberjaya bernilai RM305 juta dan *cost overrun* atau kos di luar jangka berjumlah RM700 juta.

"Begitu juga dengan kerugian dialami BNS akibat membayar harga mahal sehingga empat kali

ganda menerusi *letter of award* bernilai RM3.3 bilion kepada syarikat sub-kontraktor, Contraves Advanced Devices Sdn. Bhd. (CAD) dan Contraves Electrody-namics Sdn. Bhd. (CED).

"Bagi pihak PAC, kita berpendapat memang berlaku salah laku amat serius khasnya daripada aspek kewangan, sebab itu kita mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyegerakan siasatan dan pendakwaan mereka," ujarnya.

Ketika ini, BNS mempunyai hutang bernilai kira-kira RM1.7 bilion terhadap pembekal produk asal (OEM) dan institusi kewangan dan jika itu berlarutan, ia boleh menjelaskan dana pencen Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) bernilai kira-kira RM2 bilion.

Mengenai kenyataan Pengarah Komunikasi BN, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah agar PAC tidak sepatutnya digunakan untuk kepentingan politik, Kah Woh sekali lagi menegaskan, jawatan kuasa itu terdiri daripada wakil kerajaan dan pembangkang dengan laporan dikeluarkan berdasarkan persetujuan sebelumnya secara profesional, adil dan berlada unsur politik.

Jelas beliau, menjadi tanggungjawab PAC mengeluarkan dan menerbitkan laporan yang memaparkan situasi sebenar keadaan perbelanjaan negara.

Beliau percaya rakyat boleh menilai laporan itu bukan sahaja isu LCS tetapi isu lain, dengan mana-mana isu jika kerajaan

atau agensi kerajaan mencapai prestasi yang baik seperti Khasanah Nasional sebelum ini, PAC memberi laporan amat positif kepada syarikat itu.

Terdahulu, dalam sesi dialog, Kah Woh menyatakan kehairanannya dengan sikap Datuk Seri Najib Tun Razak yang dilihat cuba memperlekeh PAC dan laporan yang dikeluarkannya mengenai isu LCS sedangkan nama bekas Perdana Menteri itu tidak disebut dalam laporan tersebut.

Malah, jelasnya, Najib dalam Facebook rasminya memberi reaksi politik yang amat besar terhadap laporan PAC itu dengan mengaitkannya sebagai ia dipengerusikan oleh DAP dan memberi banyak fakta yang diputar beli dan bertentangan dengan laporan tersebut yang dibuat melalui prosiding rasmi termasuk memanggil 21 saksi memberi keterangan.

"Saya tidak mahu menjawab isu LCS yang dipolitisikan beliau tetapi hanya membaca dan membentangkan apa yang terdapat dalam laporan tersebut, sebab saya kena hormati pendirian ahli PAC lain."

"Apa yang jelas, Najib seolah-olah langsung tidak membaca laporan tiga jilid PAC itu dari muka surat ke muka surat tetapi cuba pusing sana, pusing sini (dengan fakta yang salah)," jelasnya sambil membetulkan kenyataan Najib mengatakan sebagai Ketua Pemuda Sosialis DAP (DAPSY) sedangkan beliau sudah empat tahun melepaskan jawatan itu.

Utusan Malaysia | 17 August 2022 | Page 1,8

LCS: Bekas Panglima TLDM mengaku tidak bersalah »8



LCS: Bekas Panglima TLDM mengaku tidak bersalah

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang bekas Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan pecah amanah dana sebuah syarikat perkapalan berjumlah RM21.08 juta melibatkan projek pembinaan kapal tempur pesisir pantai (LCS).

Panglima (B) Tan Sri Ahmad Ramli Mohd. Nor, 78, mengaku tidak bersalah terhadap ketiga-tiga pertuduhan pecah amanah dengan meluluskan pembayaran berjumlah RM21.08 juta tanpa kelulusan ahli lembaga pengarah Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS).

Bagi semua pertuduhan, beliau yang juga bekas pengarah urusan BNS didakwa meluluskan pembayaran tersebut kepada tiga buah syarikat antarabangsa, kira-kira 12 tahun lalu.

Bekas Panglima TLDM kesembilan itu didakwa melakukan ketiga-tiga kesalahan di BNS bermalam di Tingkat 17, Menara



AHMAD Ramli Mohd. Nor hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagi menghadapi pertuduhan pecah amanah melibatkan projek pembinaan kapal tempur pesisir pantai (LCS). - UTUSAN/FAUZI BAHRUDIN

Boustead, Jalan Raja Chulan di sini pada tarikh-tarikh berbeza.

Tuduhan pertama, beliau didakwa pecah amanah dana BNS dengan meluluskan pembayaran sebanyak RM13,541,140 ke dalam akaun Syarikat Setaria Holding Limited melalui Standard Chartered Bank di Singapura antara 26 Julai 2010 dan 25

Mac 2011.

Tuduhan kedua, beliau didakwa pecah amanah dana BNS dengan meluluskan pembayaran RM1,360,716 ke dalam akaun Syarikat JSD Corporation Pte. Ltd. melalui The Overseas-Chinese Banking Corporation Limited di Singapura di antara 19 April 2011 dan 4 Mei 2011.

Tuduhan ketiga, Ahmad Ramli didakwa pecah amanah dana BNS dengan meluluskan pembayaran sebanyak RM6,182,295 ke dalam akaun Syarikat Sousmarin Armada Ltd. melalui Standard Chartered Bank di Singapura di antara 28 Oktober 2010 dan 22 November 2010.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 409 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan dan boleh juga dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Hakim Suzana Hussain membenarkan Ahmad Ramli dibebaskan dengan jaminan RM500,000 dengan seorang penjamin manakala pasport diserahkan kepada mahkamah sebagai syarat jaminan sehingga kes selesa.

Mahkamah menetapkan kes itu disebut pada 24 November ini.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Ghazib mencadangkan jaminan RM500,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dengan cagaran berbaray sebanyak RM200,000 serta syarat tambahan dikenakan terhadap tertuduh.

Utusan Malaysia | 24 August 2022 | Page 9

Wang RM1 juta, pengeluaran terbesar akaun Armada

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini diberitahu, wang RM1 juta yang dinyatakan dalam pertuduhan pecah amanah terhadap Syed Saddiq Syed Abdul Rahman adalah nilai terbesar pernah dikeluaran daripada akaun milik Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada).

Rafiq Hakim Razali berkata, wang tersebut dikeluaran pada 6 Mac 2020 atas arahan Ahli Parlimen Muar itu yang mahukan ia "dilupuskan" selepas pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan berhubung kehilangan wang RM250,000 dari pada peti besi di rumahnya.

Rafiq yang ketika itu berjawatan Penolong Bendahari Armada, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) memberitahu, Syed Saddiq mengarahkan demikian kerana selaku bendahari dan pemegang amanah,

beliau merupakan sasaran se- lanjutnya.

Ketika disoal balas oleh pe- guam Gobind Singh Deo yang mewakili Syed Saddiq, Rafiq bersetuju tertuduh tidak pernah menghasutnya mengeluarkan wang RM1 juta daripada akaun CIMB milik Armada.

Saksi pendakwaan ke-13 itu bagaimanapun tidak bersetuju bahawa beliau berpaktat se- cara jahat dengan Syed Saddiq mengeluarkan wang itu seba- liknya menyatakan ia arahan tertuduh.

Dalam keterangannya, Rafiq turut menyatakan wang RM1 juta itu digunakan untuk me- laksanakan program-program Armada dan sayap parti Bersatu itu tidak mengalami kerugian meskipun berlaku pengurangan wang dalam akaunnya.

Menurut Rafiq, beliau tidak pernah menerima arahan untuk membentangkan perbelan-

“ Wang tersebut dilikeluarkan pada 6 Mac 2020 atas arahan Ahli Parlimen Muar itu yang mahukan ia ‘dilupuskan’ selepas pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan...”

jaan Armada kepada mesyuarat Exco.

Dalam prosiding soal ba-

las itu, Rafiq menyatakan be- liau baru mengetahui bawah sebanyak RM170,000 dibelanja- kan untuk kempen pilihan raya Syed Saddiq di Muar.

“Wang RM170,000 untuk kegunaan kempen di Muar, saya tidak tahu kemana pergiya wang tersebut. Saya cuma pin- dah-pindah ke dalam akaun beliau,” ujar saken.

Sementara itu, pada sesi pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Laith, Rafiq diminta menjelaskan keterangannya sebelum ini bawahwanya ‘terjebak’ ber- hubung pengeluaran wang RM1 juta itu.

Saksi memberitahu, selaku salah seorang pemegang amanah, beliau ‘terjebak’ kerana membuat pengeluaran tanpa memaklum pengeluaran kepada kepimpinan tertinggi atau menge- mukakan kertas kerja menge-

nainya.

Ujar Rafiq, belian juga tidak mengemukakan nota keterangan atau membuat laporan polis kerana berpendapat tindakan mengeluarkan wang itu satu kesalahan pecah amanah dan khuitan akan dikesan oleh pihak polis.

Sebelum mahkamah selesa bersidang semalam, Gobind memohon agar tiga pegawai penyiasat SPMR dipanggil se- mula untuk diperiksa bala pada tarikh perbicaraan akan datang. Pesuruhjaya Rehakiman Da- tut Azhar Abdul Hamid me- netapkan keterangan mereka diberikan selama dua hari iaitu pada 27 dan 28 September ini.

Mahkamah turut menga- rahkan kedua-dua pihak men- failkan penghujahan bertulis selewat-lewatnya pada 30 Sep- tember manakala penghujahan lisan didengar pada 6 dan 7 Ok- tober ini.